# Kemudahan untuk mahasiswa

## Tabung Haji sumbang perhentian bas dan basikal kepada UMS

UB 27.9.2018 B2

HEPA
JABATAN HAL EHWAL PELAJAR & ALUMNI

**DARI KAMPUS**

Oleh ABD NADDIN HAJI SHAIDDIN

**KOTA KINABALU: Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengadakan Majlis Perasmian Perhentian Bas dan Penyerahan Basikal pada 25 September di perkarangan Perhentian Bas Kolej Kediaman E, UMS.**

Majlis ini diselaraskan oleh Bahagian Kebajikan, Jabatan Hal Ehwal Pelajar, UMS.

Majlis perasmian perhentian bas ini disempurnakan oleh Pengarah Lembaga Tabung Haji Negeri Sabah merangkap Ahli Lembaga Pengarah UMS Datin Hajah Nurlaila Said. Perhentian bas disumbangkan oleh Lembaga Tabung Haji Negeri Sabah.

Beliau menyatakan harapan agar sumbangan perhentian bas berkenaan memberi manfaat yang lebih baik kepada pelajar UMS.



LEMBAGA Tabung Haji Sabah sumbang 236 basikal kepada UMS.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Prof Dr Ismail Ali turut menyatakan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Lembaga Tabung Haji Negeri Sabah atas sumbangan yang diberikan.

Diharap kemudahan perhentian bas berkenaan dapat dimanfaatkan sebaiknya.

Majlis berkenaan dihadiri hampir 60 orang tetamu termasuk para mahasiswa-mahasiswi UMS. Pada masa yang sama turut diadakan majlis penyerahan basikal letrik dan *'Mountain Bike'*.

Majlis penyerahan disampaikan juga oleh Datin Hajah Nurlaila Said kepada wakil daripada Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa (Jakmas) Kolej Kediaman Tun Mustapha, Kolej Kediaman Tun Fuad dan Kolej Kediaman E.

Setiap kolej kediaman mendapat 40 buah unit basikal letrik dan 10 buah unit basikal *'Mountain Bike'*.

Sebanyak 236 buah unit basikal diagihkan termasuk diserahkan juga kepada jabatan lain di UMS.

Turut hadir pada majlis itu, pengetua-pengetua kolej kediaman, pegawai-pegawai dan staf UMS, Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa (Jakmas) serta mahasiswa/i UMS.




**NURLAILA memotong riben untuk merasmikan perhentian bas berkenaan.**

(Gambar bawah) **NURLAILA (enam kiri) dan Prof Dr Ismail Ali (lima kiri) bersama pengetua kolej kediaman dan pegawai UMS.**

